

PELUANG KERJAYA

Selepas tamat pengajian dari universiti yang diiktiraf, graduan perlu mendaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia sebelum dibenar menjalankan pengamalan dalam bidang pergigian.

Setiap doktor pergigian wajib berkhidmat dengan kerajaan selama 3 tahun dan selepas itu boleh memilih untuk berkhidmat dalam sektor awam atau swasta.

SEKTOR AWAM

KEMENTERIAN KESIHATAN

- Poliklinik Komuniti/ Klinik Kesihatan
- Hospital
- Institut Penyelidikan Perubatan
- Kolej Latihan Pergigian Malaysia

KEMENTERIAN PERTAHANAN

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI


SEKTOR SWASTA

- Klinik Persendirian
- Hospital Swasta

INSENTIF PERKHIDMATAN SEKTOR AWAM

- Bergaji tetap
Gaji pokok permulaan:
*Gred U41 P1T5 RM 2057.87
**(tertakluk kepada perubahan semasa)*
- Pelbagai elaun dan insentif seperti:
 - Imbuan tetap perumahan
 - Imbuan tetap khidmat awam
 - Insentif perkhidmatan kritikal
- Kemudahan khidmat perubatan dan pergigian
- Skim pinjaman perumahan dan kenderaan
- Skim pinjaman pembelian komputer
- Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran pergigian setelah disahkan dalam jawatan seperti:
 - Bedah Mulut
 - Ortodontik
 - Pergigian Pediatrik
 - Periodontik
 - Patologi dan Perubatan Mulut
 - Pergigian Restoratif dan
 - Pergigian Forensik

Kerjaya dalam Bidang Pergigian



DOKTOR PERGIGIAN



Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH/K/GIG/9.2004(PT)

Kerjaya Doktor Pergigian

Adakah anda sedang mencari profesion yang mulia, dihormati dan mencabar, berkhidmat untuk masyarakat dan sekaligus memperolehi ganjaran yang menarik ?

Kerjaya doktor pergigian adalah sesuai untuk anda

Kerjaya ini menawarkan pelbagai cabaran di sektor awam dan swasta. Doktor pergigian bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada orang ramai.

Sekiranya berminat, anda dipelawa untuk mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian/ setaraf di institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.

Universiti Malaya



Universiti Kebangsaan Malaysia



Universiti Sains Malaysia

SYARAT KELAYAKAN MASUK UNIVERSITI TEMPATAN

Syarat kelayakan masuk hendaklah dirujuk kepada Buku Panduan Kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam, Program Pengajian Lulusan STPM/ setaraf, yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar IPT, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Sesi praktikal



Sesi tutorial



Para graduan

KELULUSAN SELEPAS TAMAT PENGAJIAN

Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian/ setaraf

JANGKA MASA PENGAJIAN

5 tahun

TEMPAT PENGAJIAN

UNIVERSITI TEMPATAN

- Fakulti Pergigian, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Fakulti Pergigian, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur
- Pusat Pengajian Sains Pergigian, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan

UNIVERSITI LUAR NEGARA

- Universiti-universiti yang diiktiraf oleh Majlis Pergigian Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

TUGAS DOKTOR PERGIGIAN

Tugas utama adalah memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan pergigian yang merangkumi promosi, pencegahan dan rawatan pergigian kepada orang ramai. Antaranya:

- Pemeriksaan pergigian
- Rawatan pergigian
 - Restoratif (tampalan dll.)
 - Penskaleran
 - Cabutan
 - Gigi palsu dan
 - Pembedahan kecil pergigian
- Khidmat nasihat dan pendidikan kesihatan pergigian